

AN

KES ZIKA TEMPATAN PERTAMA

[FOTO MOIHD ADAM ARININ/BH]



**Kakitangan
Jabatan Kesihatan
Negeri Sabah
melakukan kerja
'fogging'
di kawasan
perumahan
di Taman Public
Jaya Likas, Kota
Kinabalu, semalam.**

**Mangsa mungkin digigit
aedes dijangkiti zika**

BH
4/9/16

→ Kes cetus misteri kerana mangsa tidak keluar negara dalam tempoh terdekat

Oleh Wan Faizal Ismayatim

wfaizal@bh.com.my

► Kota Kinabalu

Punca sebenar jangkitan virus zika tempatan pertama terhadap seorang lelaki di Taman Public Jaya di Likas, di sini, menimbulkan misteri kerana pesakit itu tidak pernah ke luar negara dalam tempoh terdekat ini.

Susulan itu, Kementerian Kesihatan sedang menyasiat sejarah perjalanan mangsa, Lakim Galongan, 61, dan tidak menolak kemungkinan ia berpunca daripada jangkitan tempatan akibat digigit nyamuk aedes yang dijangkiti zika.

Kementerian Kesihatan menerima laporan mengenai kes jangkitan membabitkan Lakim yang juga pesara sebuah koperasi nelayan itu kelmarin, tetapi mangsa meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth 2 (HQE2) di sini, kira-kira jam 5.30 petang semalam, akibat penyakit jantung dan bu-

kan kesan virus berkenaan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata memandangkan pesakit menghidap darah tinggi, masalah pembuluh darah jantung, sakit kronik buah pinggang, masalah batu karang dan gout, keadaannya agak serius ketika dirawat di Jabatan Kecemasan dan Trauma di HQE2.

“Walaupun keputusan ujian Makmal Kesihatan Awam menunjukkan sampel darah dan air kencing pesakit positif jangkitan zika, namun keadaannya agak serius mungkin bukan disebabkan zika, sebaliknya akibat penyakit lain dihidapinya,” katanya menerusi kenyataan, di sini, semalam.

Lakim sudah berkeluarga tetapi keadaan kesihatan isteri dan ahli keluarganya masih tidak diketahui sehingga kini, malah mereka juga tidak dikuarantin.

Aktiviti kawalan vektor dimulakan

Dr Noor Hisham berkata, pesakit itu mengalami demam pada 27 Ogos lalu dan mendapat rawatan kali pertama di Klinik Kesihatan Luyang pada 30 Ogos.

Beliau berkata, keesokan harinya Lakim demam lebih teruk, sakit otot dan cirit-birit sebelum mendapatkan rawatan lanjut di HQE2.

“Kementerian Kesihatan sedang menyasiat sejarah perjalanan pesakit dengan besar kemungkinan ia berpunca daripada jangkitan tempatan akibat digigit nyamuk aedes dijangkiti zika.

“Berdasarkan maklumat terkini penemuan siasatan itu, Kementerian memulakan aktiviti kawalan vektor di kawasan perumahan pesakit dan tempat lain dilawatnya.

“Aktiviti kawalan dijalankan termasuk menghapuskan tempat pembiakan aedes, jentik-jentik dan semburan kabus. Selain itu, keluarga dan kenalan rapat pesakit akan diperiksa sama ada mempunyai demam atau gejala zika lain,” katanya.

Sementara itu, seorang rakan kepada ahli keluarga pesakit itu yang enggan dikenali berkata, dia mengetahui berita kematian lelaki berkenaan menerusi laman sosial dan aplikasi WhatsApp.

“Kami dapat tahu beliau meninggal dunia akibat penyakit jantung. Saya tak dapat beritahu lebih lanjut kerana ahli keluarga amat sedih,” katanya ketika ditemui di HQE2, malam tadi.

Pada 1 September lalu, seorang wanita dari Bandar Botanik, Klang di Selangor disahkan kes pertama virus zika di Malaysia apabila dia dikenal pasti dijangkiti wabak itu selepas pulang melawat anaknya di Singapura.

Maklumat terkini daripada Kementerian Kesihatan Singapura pula menunjukkan 11 rakyat Malaysia disahkan dijangkiti virus zika dengan 10 daripadanya tinggal dan bekerja di Singapura, manakala seorang lagi bekerja di Singapura tetapi menetap di Johor.



Untuk komen

e-mel ke bhnews.bh.com.my atau di laman Facebook BH Online

Info

Kes Zika

→ Kes zika di Singapura dikesan apabila seorang lelaki dijangkiti virus ini selepas mengunjungi Sao Paolo, Brazil, Mei lalu.

→ Pada 31 Ogos lalu, seorang wanita dari Bandar Botanik, Klang dikenal pasti dijangkiti virus zika selepas pulang dari melawat anaknya di Singapura pada 28 Ogos lalu dan menjadi kes pertama wabak itu di Malaysia.